

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023



Sesi soal jawab aktiviti kuiz uji minda

LANGUAGE FESTIVAL 6.0

Ditulis oleh: Nurulnabilah binti Abdul Aziz, Syahirah Almuddin, Norshida Hashim & Siti Nur Dina Haji Mohd Ali

Pada 4 sehingga 6 Januari 2023, Festival Bahasa 6.0 telah berjaya diadakan buat pertama kalinya secara bersemuka di Universiti Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Festival Bahasa merupakan sebuah program akademik anjuran Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Kuala Pilah memfokuskan kepada budaya penggunaan dan pengetahuan bahasa dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti yang menyeronokkan.

Program ini dilaksanakan pada setiap semester dimana wujudnya kolaborasi di antara Eagles English Club dan Persatuan Bahasa Arab UiTM Kampus Kuala Pilah dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa Kampus Kuala Pilah. Festival Bahasa 3.0 merupakan program pertama yang telah diadakan secara atas talian ketika satu dunia dilanda pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, Festival Bahasa 6.0 kembali diadakan secara bersemuka.


Pada semester ini, Kelab EAGLES telah menerajui program ini di bawah pimpinan

Puan Nurulnabilah binti Abdul Aziz dan Puan Siti Nur Dina Haji Mohd Ali yang merupakan penasihat bersama kelab EAGLES bersama dengan ahli jawatankuasa Kelab EAGLES di bawah pimpinan Nurul Atikah binti Abdul Rahman, yang merupakan pengarah program menjadi teraju utama bagi program Festival Bahasa 6.0 kali ini. Program ini turut dijayakan oleh Puan Norshida Hashim dan Puan Syahirah Almuddin, selaku penasihat Persatuan Bahasa Arab merangkap penyelaras bersama bagi festival bahasa ini khususnya bagi aktiviti-aktiviti melibatkan penggunaan Bahasa Arab.

Program Festival Bahasa 6.0 telah diadakan pada 4 Januari hingga 6 Januari 2023 iaitu selama tiga (3) bagi di mana kesemua aktiviti dijalankan secara bersemuka selepas waktu kuliah. Ini membolehkan lebih banyak penyertaan oleh pelajar UiTM Kampus Kuala Pilah untuk menyertai pertandingan di luar waktu kuliah.

Festival Bahasa 6.0 kali ini telah memampatkan sebanyak tujuh (7) aktiviti yang merangkumi tiga bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin dan terbuka kepada semua pelajar kampus Kuala Pilah. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

1. Pilahdelphian's voice (Kategori Individu dan Kategori Berkumpulan)
2. A Way 2 Be A Reporter (Bahasa Inggeris)
3. Spell it Right! (Bahasa Inggeris)
4. Al-Tahjiah (Bahasa Arab)
5. Kaligrafi Khat (Bahasa Arab)
6. Papercraft Contest (Bahasa Mandarin)
7. Quizziz Mandarin (Bahasa Mandarin)





Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan 186 penyertaan pelajar secara keseluruhannya. Majlis penutup program Festival Bahasa 6.0 telah diadakan pada

13 Januari 2023 secara bersemuka di Dewan Kuliah (LT200) UiTM Kampus Kuala Pilah. Majlis Penutup Festival Bahasa 6.0 tersebut telah dijalankan dengan jayanya. Kesemua pelajar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Festival Bahasa 6.0 kali ini dapat berkumpul bersama-sama dalam meraikan majlis penutupan Festival Bahasa 6.0.



Penggunaan Bahasa Rancu Dalam Media Sosial Oleh Generasi Z

Ditulis oleh: *Muhammad Nabihan Abu Bakar & Siti Nasarah Ismail*

Seiring dengan perkembangan teknologi dan media digital turut merubah landskap atau cara manusia berkomunikasi pada masa kini serta mewujudkan kepelbagaian penggunaan bahasa yang digunakan dalam media sosial. Platform media sosial kini merupakan wadah dalam pembentukan dan penghasilan jenis penggunaan bahasa yang baharu terutamanya yang digunakan oleh Generasi Z. Generasi ini merupakan golongan yang paling kerap sekali menggunakan media sosial, oleh itu lebih banyak kepelbagaian penggunaan bahasa, istilah dan ejaan yang digunakan oleh mereka sepanjang berkomunikasi menggunakan media sosial. Bahasa rancu ialah keadaan bahasa yang tidak teratur dan bercampur aduk. Hal ini berlaku demikian kerana bahasa yang digunakan Generasi Z ialah bahasa yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan seperti sebutan, ejaan serta istilah yang tepat seperti laras tatabahasa, perbendaharaan kata dan sebagainya.